

10/12/2003

Perwatakan ulama gambarkan imej Islam

Nazura Ngah; Baharom Bakar

ANTARA ciri ulama pewaris nabi adalah orang yang takutkan Allah, mempunyai pengetahuan mendalam dalam agama, ikhlas dalam menyampaikan ajaran Islam dan sentiasa menjaga hubungan dengan pemerintah.

Ulama tidak boleh menjadikan sifat mazmumah (tercela) seperti mengata orang lain, mencarut dan berdusta sebagai amalan harian kerana sikap sebegini menyebabkan masyarakat, terutama bukan Islam memandang serong terhadap institusi ulama.

Marah adalah satu daripada sifat mazmumah. Daripada marah akan lahir sifat mazmumah lain seperti dendam, hasad dengki, benci membenci, suka menghina, mengejek dan mengajuk. Kemarahan juga menyebabkan seseorang itu berkasar dengan orang lain sama ada secara lisan atau melalui tingkah laku.

Menurut Imam Ghazali, marah itu ialah nyalaan api yang diambil daripada api neraka. Allah menjadikan sifat itu satu perasaan pada manusia.

Dakwaan Ketua Dewan Ulama Pas, Datuk Harun Taib, ketika memberi reaksi ke atas soalan tambahan wakil Barisan Nasional (BN) pada hari terakhir persidangan Dewan Undangan Negeri Terengganu penggal kelima baru-baru ini bahawa ulama boleh bercakap kasar sekali lagi memberikan kejutan dan kekeliruan di kalangan masyarakat.

Sebagaimana firman Allah yang bermaksud: "Allah tidak suka kepada perkataan buruk yang dikatakan dengan berterus-terang (untuk mendedahkan kejahatan orang); kecuali orang yang dianiayakan. Dan (ingatlah) Allah sentiasa Mendengar, lagi Maha Mengetahui." (An-Nisaa': 148)

Berdasarkan ayat itu, umat Islam digalakkan menggunakan bahasa yang baik apatah lagi oleh seorang ulama yang menjadi panduan dan ikutan ahli masyarakat.

Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas Terengganu, Datuk Ismail Ali, berkata dalam ayat 148 surah An-Nisaa' itu sudah jelas menunjukkan Allah sendiri tidak menggunakan perkataan benci, sebaliknya menggunakan perkataan 'tidak suka' walaupun membawa pengertian yang sama.

Perkataan benci tidak digunakan kerana bahasa itu berbau kasar dan keras. Jika Allah sendiri tidak menggunakan perkataan kasar walaupun Dia boleh berbuat demikian, apatah lagi hamba-Nya yang sememangnya lemah.

Ayat berkenaan juga memperlihatkan Allah tidak menyukai perkataan buruk yang dikatakan secara terang-terangan dan keadaan yang berlaku di sidang DUN Terengganu baru-baru ini didakwa kebanyakan pihak termasuk Mufti Perak, Datuk Seri Harussani Zakaria, tidak sepatutnya berlaku kerana DUN dianggap mulia yang menjadi tempat membuat keputusan berkaitan ummah.

Kenyataan yang sama turut diberikan Mufti Wilayah Persekutuan, Prof Dr Mohamad Yusoff Hussain, yang membidas kenyataan bahawa ulama boleh bercakap kasar apa lagi di depan khalayak ramai dan DUN.

Mendedahkan kejahatan seseorang dengan bertujuan mengaibkan dilarang dalam Islam kerana kekecualian itu hanya diberikan kepada pihak teraniaya seperti dirogol atau dikhianati.

Ismail yang juga bekas Pesuruhjaya Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) berkata, Rasulullah sendiri pun bersikap halus dan tidak berkasar dengan orang lain.

"Jika dilihat pada sejarah Rasulullah, Baginda tidak mengkritik atau mencemuh apatah lagi menjatuhkan maruah ketika berhadapan dengan orang yang tidak berilmu atau mempunyai pengetahuan agama yang mendalam.

"Dalam satu peristiwa, seorang lelaki Arab Badwi datang ke masjid dan

membuang air kecil di dalam masjid. Kejadian itu disaksikan Rasulullah dan sahabat, tetapi Baginda tidak marah atau bersikap kasar pada lelaki itu sebaliknya mengarahkan sahabat membersihkan kawasan yang tercemar.

"Rasulullah juga melarang sahabat daripada mengambil tindakan terhadap lelaki berkenaan," katanya.

Jika Harun yang juga seorang Exco dan wakil rakyat Manir menganggap Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Ajil, Rosol Wahid, sebagai budak hingusan atau mentah sehingga menggelarnya 'budak' ketika menjawab soalan, Harun tidak sepatutnya berkasar apatah lagi beliau adalah Ketua Dewan Ulama Pas.

Al-Quran, turut menyebut kalau tidak kerana Allah kasihan atau rahmat pada nabi, nabi akan menjadi orang kasar dan apabila nabi menjadi orang kasar, semua orang akan lari. Oleh itu, nabi terkenal dengan sikap dan pendekatan yang lemah lembut.

Sebagai umat Islam yang mengamalkan ajaran Islam sepenuhnya wajar mengikut jejak nabi apatah lagi individu yang menggelarkan diri mereka sebagai ulama.

Sidang DUN yang berakhir 4 Disember lalu mencetuskan kekecohan sebagaimana berlaku pada sidang DUN yang lalu, tetapi kekecohan kali ini lebih diberi perhatian kerana membabitkan peribadi seorang ulama walaupun soalan asal menjurus kepada permasalahan kes cerai talak tiga.

Harun, dalam jawapannya berkata ulama boleh bercakap kasar. Kalaupun kenyataan didakwa dibuat dalam keadaan 'bergurau senda' dan tidak serius, ia masih menimbulkan pertikaian.

"Hai budak! aku nok beritahu, mu dengor molek... anta tahu ke(membaca hadis nabi) kata nabi, aku boleh lawan belaka... lawan berhalus (lembut) boleh, lawan kasar pun boleh, boleh belaka.

"...jadi bukan makna ulama dok leh (tidak boleh) cakap kasar... ada ulama pergi berperang," kata Harun yang menempelak Rosol apabila ahli dewan undangan negeri Terengganu itu dilihat lebih menjurus kepada syarahan dan bukannya pertanyaan.

Ismail berpendapat, DUN adalah satu tempat yang mulia dan tidak sepatutnya timbul aksi mencemuh dan menghina wakil pembangkang.

Katanya, jika Harun diperlakukan sedemikian, bolehlah satu tindakan membalas cemuhan dilakukan. Itupun Islam tidak galakkan membalas cemuhan dengan cemuhan.

Allah berfirman yang bermaksud: "Wahai orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka dan janganlah pula sesuatu puak dari kaum perempuan mencemuh dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka dan janganlah sesetengah kamu menyatakan keaiban sesetengahnya yang lain dan janganlah pula kamu panggil memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran buruk. (Larangan itu menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasik, maka) amatlah buruk sebutan nama fasik (kepada seseorang) sesudah ia beriman. Dan (ingatlah) sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya) maka merekalah orang yang zalim." (Al-Hujuraat: 11)

Berdasarkan ayat al-Quran di atas, umat Islam dilarang mencemuh, merendah orang lain dan bercakap kasar, lebih-lebih lagi dilakukan oleh ulama.

Perkataan 'budak' dianggap satu cemuhan kerana perkataan itu seolah-olah merendah orang lain kerana mengikut Kamus Dewan, perkataan budak membawa maksud anak atau kanak-kanak yang semua mengetahui bahawa golongan itu mempunyai pemikiran lebih rendah berbanding orang dewasa. Makna lain bagi perkataan budak ialah hamba sahaya, penolong rumah tangga, abdi dan amah.

Sebagai wakil rakyat yang mendakwa dirinya ulama dan yang mengetuai Dewan Ulama Pas, tidak manis merujuk individu tertentu dengan panggilan budak.

"Saya percaya pengikut Pas sendiri tidak setuju dengan pendekatan menghina orang terutama dilakukan ahli DUN yang dipilih rakyat. Saya berpendapat kejadian itu dilakukan oleh dia seorang, orang Pas pun tidak bersetuju tetapi itulah hakikatnya bahawa orang Pas jika tidak bersetuju sekalipun tetap mengambil pendekatan senyap," kata Ismail.

Kenyataan dari seorang yang mendakwa ulama akan ditafsir dan diterjemah sebagai suruhan atau larangan dalam Islam. Kenyataan melulu boleh menjejaskan Islam kerana orang bukan Islam melihat seorang yang alim dan disanjung dalam Islam menggunakan DUN untuk melepas geram dengan cara tidak betul.

Tidak keterlaluan dikatakan segelintir penyokong Pas tidak boleh menerima tindakan pemimpin mereka tetapi kesetiaan mereka mengatasi hakikat yang sewajarnya ditelan.

Pemimpin dan penyokong Pas wajar mencontohi peribadi bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang mempunyai sifat tenang dan tidak mudah melenting.

Apa saja tohmahan dan kata kesat dilemparkan kepada Dr Mahathir diterima, malah jawapan yang diberi lebih rasional tanpa membabitkan emosional.

Walaupun Dr Mahathir bukan ulama, keperibadian beliau ada kalanya mengatasi golongan yang mendakwa diri mereka ulama.

Timbalan Mufti Terengganu, Zainal Abidin Ahmad, berkata ulama mempunyai sifat terpuji dan baik kerana golongan itu adalah pewaris nabi. Ulama yang mengetahui selok belok dan memahami kandungan al-Quran dan hadis.

Bagaimanapun, ulama adalah daripada kalangan manusia mana tidak terlepas daripada kelemahan. Ulama bukan maksum sebagaimana sifat seorang nabi.

Zainal Abidin menyatakan bahawa sifat marah adalah sifat yang lebih kepada peribadi seseorang.

"Jika disergah, diprovokasi dengan cara keterlaluan, individu tertentu akan hilang sabar dan menjadi pemarah," katanya yang meminta tidak dikaitkan dengan individu atau insiden tertentu.

Beliau enggan mengulas kejadian membabitkan Harun dan Rosol kerana mendakwa tidak adil membuat penjelasan tanpa berada di tempat kejadian.

"Semua masalah kena tahu asal usul, baru boleh komen, jika tidak, komen yang diberikan tidak adil, hakim sendiri pun untuk membuat keputusan perlu memanggil kedua-dua pihak.

"Ramai alim ulama terperangkap kerana memberi komen berdasarkan kenyataan akhbar tanpa meneliti bagaimana kejadian itu boleh berlaku," katanya.

Secara amnya, beliau berkata ulama perlu mengetahui siapa yang berkomunikasi dengannya supaya hujah dan percakapannya berpandukan kepada kadar kefahaman si pendengar selain melihat suasana sekeliling.